

KERAJAAN DAN PEMBANGUNAN BUDAYA KEUSAHAWANAN

Aktiviti keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan per kapita, malahan aktiviti komersil ini turut bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan struktur sosial dan masyarakat. Pertambahan kuantiti usahawan menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang positif bagi sesebuah negara. Inovasi usahawan akan memenuhi keperluan masyarakat, menawarkan peluang pekerjaan, membangunkan kawasan-kawasan yang terlibat, meningkatkan sosioekonomi masyarakat serta pendapatan per kapita negara. Justeru, peranan kerajaan dalam bidang keusahawanan adalah sentiasa signifikan.

Dalam konteks Islam pula, manusia sentiasa memerlukan panduan untuk menguruskan kehidupan mereka dengan sempurna di atas muka bumi ini. Syariat Islam dengan sistemnya yang bersifat holistik dan syumul telah memberikan panduan yang selengkapnya bagi keperluan kesempurnaan kehidupan tersebut melalui ketentuan Allah SWT sama ada dalam bentuk suruhan atau larangan. Sifat semulajadi manusia yang lemah dan mudah lupa menyebabkan mereka memerlukan sebuah institusi yang boleh menguatkuasakan panduan suruhan dan larangan tersebut. Justeru, sistem ekonomi Islam juga terutamanya bidang keusahawanan tidak boleh beroperasi secara terasing daripada persekitaran politik, budaya, ekonomi, teknologi dan syariat yang telah ditetapkan. Peranan kerajaan dalam pembangunan keusahawanan adalah sebagai sebahagian daripada tanggungjawab pemerintah yang bersifat menyeluruh dalam Islam.

PERANAN KERAJAAN DALAM PEMBENTUKAN BUDAYA KEUSAHAWANAN

Keusahawanan adalah sebahagian daripada aktiviti yang wajib dalam sesebuah masyarakat. Mereka yang menjalankan perniagaan bererti menunaikan suatu kewajipan dalam masyarakat dan secara tidak langsung menuju ke jalan Allah SWT. Menurut 'Abdullah bin Mahmud bin Maudud (*t.t*) semulia-mulia usaha ialah jihad kerana ia adalah himpunan daripada semua pekerjaan, memuliakan agama dan menundukkan musuh Allah SWT, kemudian perniagaan kerana Rasulullah SAW telah menyeru kepada pembangunannya, kemudian diikuti pertanian yang merupakan pekerjaan yang pertama yang dilakukan oleh Nabi Adam AS serta perindustrian. Setelah Rasulullah SAW tiba di Madinah, baginda juga tidak mengambil masa yang lama untuk mendirikan masjid dan pasar bagi kemudahan masyarakat beribadat dan menguruskan keperluan hidup seharian.

Aktiviti komersil dan berisiko ini sentiasa relevan dan diperlukan dalam kehidupan sosial dan ekonomi manusia, seiring dengan kekuatan politik kerana ia mempengaruhi semua lapisan individu, masyarakat, nasional dan antarabangsa. Menurut Md. Omar al-Farooque dan Mohammad Jamal Uddin (2000), keusahawanan memainkan peranan dominan dalam pembangunan teknologi dan ekonomi negara. Pembangunan membayangkan perubahan, ia juga dapat digunakan untuk menggambarkan proses ekonomi dan transformasi sosial sesebuah negara. Para sarjana Islam (Muhammad 'Abd al-Halim 'Amr, 1999; M. Umar Chapra, 1970; Khaliq Ahmad & AbulHassan M. Sadeq, 2001) bersepakat bahawa sistem ekonomi terutamanya bidang keusahawanan tidak boleh beroperasi secara terasing daripada persekitaran politik, agama, budaya, ekonomi dan teknologi. Untuk merealisasikan prinsip-prinsip di atas, kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan modal asas fizikal dan sosial serta menguruskan dan menjamin keselamatan